

---

## SIARAN BERITA

### MyCC MENERIMA AKU JANJI DARIPADA PENYEDIA PERKHIDMATAN LOGISTIK

**KUALA LUMPUR, 07<sup>hb</sup> Oktober 2014** – Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) telah menerima aku janji berdasarkan Seksyen 43 Akta Persaingan 2010 ('Akta') dari Giga Shipping Sdn Bhd dan Nexus Mega Carriers Sdn Bhd baru-baru ini. Aku janji ini adalah berkaitan dengan perjanjian eksklusif diantara dua perusahaan dengan pengeluar kenderaan, pengedar dan peruncit. Kedua-dua perusahaan merupakan pembekal utama perkhidmatan logistik dan penghantaran ('perkhidmatan') melalui laut bagi kenderaan bermotor dari pelabuhan di Semenanjung Malaysia ke pelabuhan di Sabah, Sarawak dan Labuan.

Berikutan aduan dari pesaing, MyCC telah menjalankan siasatan kerana mengesyaki pelanggaran Seksyen 4(1) dan 10(1) di bawah Akta mengenai perjanjian eksklusif ada berlaku. MyCC khuatir perjanjian-perjanjian ini menyebabkan sekatan pelanggan bagi perusahaan pesaingnya, yang mana jika ianya berlaku, akan memberi kesan menghalang, menyekat atau mengganggu persaingan secara signifikan bagi sebarang skop perkhidmatan.

Kedua-dua perusahaan tersebut tidak mengaku bahawa perjanjian diantara mereka dengan pelanggan mereka merupakan satu pelanggaran dibawah Akta. Bagi menangani isu persaingan ini, perusahaan-perusahaan tersebut telah mengambil langkah untuk memberhentikan sebarang klausula-klausula eksklusiviti dan klausula-klausula didalam perjanjian yang berkemungkinan menghalang, menyekat atau mengganggu sebarang skop perkhidmatan bagi pelanggan-pelanggan atau pelanggan yang berpotensi.

"Campur tangan MyCC dalam perkara ini telah memastikan bahawa pesaing-pesaing dalam perkhidmatan logistik dan penghantaran mempunyai akses kepada pelanggan manakala pelanggan pula juga akan mendapat manfaat kerana mempunyai lebih banyak pilihan penyedia-penyedia perkhidmatan yang bersaing," kata Dato' Sri Hasan Malek, Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) mengenai perkara tersebut.

---

Aku janji yang diterima oleh MyCC merupakan perikatan secara sah dari segi perundungan keatas perusahaan-perusahaan tersebut. Selagi perusahaan-perusahaan tersebut mematuhi aku janji, MyCC tidak akan mengenakan atau mengambil sebarang tindakan undang-undang terhadap perusahaan-perusahaan tersebut.

Perusahaan-perusahaan tersebut juga telah mengambil langkah untuk terus melaksanakan program pematuhan undang-undang persaingan yang telah dimulakan semasa siasatan MyCC sehingga aku janji tersebut dilaksanakan. MyCC berpuas hati dengan aku janji yang disediakan oleh perusahaan-perusahaan tersebut bagi menangani isu berkaitan dengan persaingan dan dengan itu telah menutup siasatannya mengenai perkara ini.

Aku janji tersebut juga boleh didapati untuk tatapan umum di laman web MyCC, [www.mycc.gov.my](http://www.mycc.gov.my).

---tamat---

**NOTA PENGARANG:**

1. Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC atau ‘Suruhanjaya’) telah memulakan satu siasatan di bawah Seksyen 15 Akta Persaingan 2010 di mana Suruhanjaya mempunyai sebab untuk mengesyaki bahawa mana-mana perusahaan telah melanggar atau sedang melanggar seksyen 4 dan/atau seksyen 10 Akta Persaingan 2010 berkaitan dengan kelakuan Giga Shipping Sdn Bhd dan/atau Nexus Carriers Sdn Bhd:
  - (a) memasuki dalam perjanjian-perjanjian menegak dengan pengeluar-pengeluar kenderaan bermotor dan/atau pengedar dan/atau peruncit yang mempunyai objek atau memberi kesan menghalang, menyekat atau mengganggu persaingan secara signifikan bagi perkhidmatan logistik dan/atau penghantaran melaui laut bagi kenderaan bermotor dari Semenanjung Malaysia ke Sabah, Sarawak dan Labuan;
  - (b) mengurangkan kemasukan pasaran baru oleh pesaing-pesaing untuk perkhidmatan logistik dan/atau penghantaran melalui laut bagi kenderaan bermotor dari Semenanjung Malaysia ke Sabah, Sarawak dan Labuan.

**2. Butiran Seksyen 43 daripada Akta: Kuasa untuk menerima Aku janji**

Akta Persaingan 2010 membenarkan satu perusahaan membuat aku janji mengikat secara sah tanpa keperluan untuk mencari sebarang pelanggaran oleh MyCC. MyCC mempunyai budi bicara sama ada menerima aku janji tersebut dan akan mengambil

---

beberapa faktor bagi pertimbangan sebagai penentu sama ada menerima aku janji atau tidak.

Faktor-faktor ini termasuk, tetapi tidak dibataskan untuk, graviti pelanggaran; tahap kerjasama yang diterima daripada perusahaan dalam membantu MyCC dengan siasatannya dan sama ada menerima aku janji akan dengan effektifnya dapat menangani dengan secara berkesan isu persaingan. Kuasa Suruhanjaya menerima aku janji dinyatakan dalam seksyen 43 dalam Akta, seperti berikut:

43. (1) Suruhanjaya boleh, tertakluk kepada syarat-syarat yang boleh dikenakan oleh Suruhanjaya, menerima daripada suatu perusahaan suatu aku janji untuk membuat atau menahan diri daripada membuat apa-apa jua yang difikirkan sesuai oleh Suruhanjaya.

(2) Jika Suruhanjaya menerima aku janji di bawah subseksyen (1), Suruhanjaya hendaklah, berhubung dengan suatu pelanggaran, menutup penyiasatan itu tanpa membuat apa-apa dapatan pelanggaran dan tidak boleh mengenakan suatu penalti ke atas perusahaan itu.

(3) Mana-mana aku janji yang diterima oleh Suruhanjaya di bawah seksyen ini ialah suatu dokumen yang tersedia untuk diperiksa oleh orang awam mengikut cara yang ditentukan oleh Suruhanjaya.

(4) Peruntukan mana-mana aku janji yang diterima oleh Suruhanjaya di bawah seksyen ini hendaklah boleh dikuatkuasakan oleh Suruhanjaya seolah-olah peruntukan itu telah dinyatakan dalam suatu keputusan yang diberikan kepada perusahaan yang memberikan aku janji itu menurut seksyen 40.

3. Butiran mengenai Seksyen 4 dan Seksyen 10 Akta Persaingan 2010 adalah seperti berikut:

4. (1) Suatu perjanjian mendatar atau menegak antara perusahaan adalah dilarang setakat yang perjanjian itu mempunyai matlamat atau kesan menghalang, menyekat atau mengganggu persaingan secara signifikan dalam apa-apa pasaran bagi barang atau perkhidmatan.

(2) Tanpa menjelaskan keluasan subseksyen (1), suatu perjanjian mendatar antara perusahaan yang mempunyai matlamat untuk—

(a) menetapkan, secara langsung atau tidak langsung, suatu harga belian atau jualan atau apa-apa syarat perdagangan yang lain;

- 
- (b) berkongsi pasaran atau punca bekalan;
  - (c) membataskan atau mengawal—
    - (i) pengeluaran;
    - (ii) saluran keluar pasaran atau capaian pasaran;
    - (iii) pembangunan teknikal atau teknologi; atau
    - (iv) pelaburan; atau
  - (d) melakukan tipuan bida, adalah disifatkan mempunyai matlamat atau kesan menghalang, menyekat atau mengganggu persaingan secara signifikan dalam apa-apa pasaran bagi barang atau perkhidmatan.

\*“Perjanjian mendatar” ertinya suatu perjanjian antara perusahaan yang setiapnya beroperasi pada peringkat yang sama dalam rangkaian pengeluaran atau pengedaran; “Perjanjian menegak” ertinya suatu perjanjian antara perusahaan yang setiapnya beroperasi pada peringkat yang berlainan dalam rangkaian pengeluaran atau pengedaran.

Penyalahgunaan kedudukan dominan adalah dilarang

10. (1) Suatu perusahaan adalah dilarang untuk terlibat, sama ada secara sendirian atau kolektif, dalam apa-apa perlakuan yang berupa suatu penyalahgunaan kedudukan dominan dalam mana-mana pasaran bagi barang atau perkhidmatan.

- (2) Tanpa menjaskan keluasan subseksyen (1), suatu penyalahgunaan kedudukan dominan boleh termasuk—
  - (a) secara langsung atau tidak langsung mengenakan harga belian atau jualan yang tidak adil atau syarat perdagangan lain yang tidak adil ke atas pembekal atau pelanggan;
  - (b) membataskan atau mengawal—
    - (i) pengeluaran;
    - (ii) saluran keluar pasaran atau capaian pasaran;
    - (iii) pembangunan teknikal atau teknologi; atau
    - (iv) pelaburan, sehingga memudaratkan pengguna;
  - (c) enggan untuk membekalkan kepada suatu perusahaan atau kumpulan atau kategori perusahaan tertentu;
  - (d) mengenakan syarat yang berlainan kepada transaksi yang setara dengan pihak perdagangan yang lain ke suatu takat yang boleh—
    - (i) tidak menggalakkan kemasukan baru ke dalam pasaran atau pengembangan atau pelaburan oleh pesaing yang sedia ada;

(ii) memaksa keluar dari pasaran atau selainnya merosakkan secara serius seorang pesaing yang sedia ada yang tidak kurang cekapnya berbanding dengan perusahaan dalam kedudukan dominan itu; atau

(iii) memudaratkan persaingan dalam apa-apa pasaran yang disertai oleh perusahaan yang dominan itu atau dalam apa-apa pasaran hiliran atau huluan;

(e) menjadikan pengikatan kontrak tertakluk kepada penerimaan oleh pihak lain akan syarat tambahan yang atas sifatnya atau menurut kegunaan komersial tidak mempunyai kaitan dengan hal perkara kontrak itu;

(f) berkelakuan seakan pemangsa terhadap pesaing; atau

(g) membeli barang perantaraan atau sumber yang terhad bekalannya yang dikehendaki oleh seorang pesaing, dalam hal keadaan yang perusahaan dalam kedudukan dominan itu tidak mempunyai justifikasi komersial yang munasabah untuk membeli barang perantaraan atau sumber itu untuk memenuhi keperluannya sendiri.

(3) Seksyen ini tidak melarang suatu perusahaan yang dalam kedudukan dominan daripada mengambil apa-apa langkah yang mempunyai justifikasi komersial yang munasabah atau merupakan suatu respons komersial yang munasabah kepada kemasukan ke dalam pasaran atau perlakuan pasaran seorang pesaing.

(4) Hakikat bahawa bahagian pasaran mana-mana perusahaan adalah mengatasi atau di bawah apa-apa peringkat tertentu tidak dengan sendirinya boleh dianggap sebagai konklusif tentang sama ada perusahaan itu berada, atau tidak berada, pada suatu kedudukan dominan dalam pasaran itu.

**Untuk pertanyaan media, sila hubungi:**

Rowena Wong, Tel +603 2273 2277 (ext 111), Email: [rowena@mycc.gov.my](mailto:rowena@mycc.gov.my)

Anis Syafiqah, Tel +603 2273 2277 (ext 212), Email: [anis@mycc.gov.my](mailto:anis@mycc.gov.my)

**Unit Komunikasi Korporat**

**Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC)**

Ditubuhkan pada Jun 2011, MyCC ialah satu badan bebas bertanggungjawab untuk menguatkuasakan Akta Persaingan 2010, yang dilaksanakan untuk menggalakkan persaingan sihat yang seterusnya akan merangsang produktiviti dan inovasi, lantas mewujudkan pilihan produk atau servis yang lebih banyak kepada pengguna dan kualiti yang lebih baik pada harga yang berpatutan.

Akta ini digunakan kepada semua aktiviti komersil yang ditanggung didalam dan diluar Malaysia yang boleh menjelaskan persaingan di pasaran Malaysia. Ia memberikan satu rangka kerja kawal termasuk kuasa menyiasat, menghakimi dan mengenakan penalti-penalti kepada pesalah undang-undang persaingan.

Untuk maklumat lanjut tentang Akta dan MyCC, sila rujuk laman web [www.mycc.gov.my](http://www.mycc.gov.my).